

## **SIARAN MEDIA**

### **ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH (AIGA 2022)**

#### **IKTIRAF KOMITMEN ORGANISASI AWAM DAN SWASTA DALAM PEMANTAPAN TATA KELOLA YANG BERKESAN**

#### ***92 Organisasi Sektor Awam & Sektor Swasta Menerima Anugerah Integriti, Governans & Antirasuah (AIGA) 2022***

**Kuala Lumpur, 18 Januari 2023** – Majlis Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2022 yang julung kali dianjurkan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM), telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri mewakili YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Majlis turut dihadiri oleh YBhg Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, Ahli Lembaga Pengarah IIM.

AIGA adalah satu anugerah yang dibangunkan oleh IIM bertujuan untuk mengiktiraf dan menghargai organisasi sektor awam dan swasta yang telah menzahirkan komitmen dan usaha dalam pembudayaan dan pengamalan integriti serta tata kelola terbaik. Ianya merupakan penanda aras yang membolehkan organisasi mengukur keberkesanan inisiatif yang dilaksanakan bagi meningkatkan integriti dalam organisasi, sistem pengurusan dalaman berfokuskan kepada tadbir urus terbaik serta sistem kawalan dalaman bagi mengekang berlakunya rasuah dalam organisasi.

Penilaian AIGA adalah berteraskan kriteria piawaian antarabangsa, antaranya ISO 37001 Anti-Bribery Management System (ABMS) dan ISO 9001 Quality Management System. Panel penilai pula terdiri daripada pakar-pakar dari sektor awam, korporat dan badan bukan kerajaan (NGO) yang memiliki kepakaran di dalam bidang audit kualiti, integriti, tata kelola dan antirasuah.

"IIM telah menerima sebanyak 116 penyertaan dari organisasi-organisasi merangkumi sektor-sektor awam dan swasta di seluruh negara. Dari jumlah ini, hanya sebanyak 92 organisasi terpilih untuk menerima Anugerah AIGA 2022 yang merangkumi 16 Anugerah Emas, 34 Anugerah Perak dan 42 Anugerah Gangsa. Sambutan ini menzahirkan komitmen ramai pihak tentang peri pentingnya

pengamalan budaya integriti dan tata kelola terbaik dalam organisasi” ujar Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM.

Lima (5) penerima Anugerah Emas utama yang mendapat markah tertinggi telah dipilih untuk bersaing dalam kategori Platinum iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS), Johor Port Berhad, Tenaga Nasional Berhad dan Northport Bhd. Penilaian untuk kategori Platinum ini dilaksanakan oleh Panel Penilai Khas yang terdiri daripada YBhg. Tan Sri Abu Kassim Bin Mohamed, YBhg. Tan Sri Abdul Wahid Bin Omar, dan YBhg. Professor Datuk Ir. Ts. Dr. Siti Hamisah Binti Tapsir.

Kelima-lima organisasi ini telah menunjukkan komitmen paling tinggi terutama di peringkat Pengurusan Tertinggi dalam memastikan pelaksanaan dan pembudayaan amalan integriti, tata kelola dan anti-rasuah dalam organisasi masing-masing. Para penerima Anugerah ini turut menzahirkan penghargaan atas inisiatif penganjuran AIGA yang dilihat menggalakkan organisasi bersungguh-sungguh berlumba ke arah kebaikan dengan menyerlahkan potensi organisasi masing-masing.

BERNAS telah dipilih dan dinobatkan sebagai penerima Anugerah Platinum AIGA pada tahun ini. Antara amalan terbaik BERNAS yang unik adalah saluran pendedahan maklumat (*whistleblowing channel*) bebas yang diuruskan oleh pihak ketiga. Impak pelaksanaan terbukti melalui peningkatan jumlah laporan yang diterima yang jelas menunjukkan kepercayaan dan keyakinan pemberi maklumat tentang kebebasan dan keselamatan organisasi untuk melaporkan sebarang kesalahan integriti dan rasuah dalam organisasi tersebut. Statistik dari tahun 2020 ke 2022 menunjukkan peningkatan dari tiada pelaporan meningkat kepada 7 laporan.

Keberkesanan pelaksanaan inisiatif integriti, tadbir urus dan antirasuah di Northport juga dapat dilihat dari penurunan kes sindiket jenayah dan peningkatan prestasi kewangan organisasi tersebut. Ini seterusnya meningkatkan kepercayaan pelanggan Northport sebagai pelabuhan yang efisien dan berintegriti tinggi.

Begitu juga dengan Johor Port Berhad yang telah memasukkan Tadbir Urus sebagai sebahagian daripada kriteria Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG - *Environmental, Social and Governance*) dalam KPI Korporat organisasi tersebut. Justeru ini memberikan kebertanggungjawaban kepada semua kakitangan Johor Port untuk memastikan prosedur, tatacara kerja dan keperluan kawal selia lain dipatuhi semasa melaksanakan tugas harian mereka.

“Keistimewaan AIGA berbanding dengan anugerah lain adalah kita mendapatkan halatuju, aspirasi dan matlamat dari Pengurusan Tertinggi organisasi bagi memastikan pelaksanaan dan pembudayaan amalan integriti, tata kelola dan anti-rasuah dalam setiap proses kerja organisasi serta memberikan pengiktirafan dan penghargaan atas usaha yang telah dilakukan oleh agensi-agensi dalam

menambahbaik lanskap dan ekosistem semua industri di Malaysia,” tambah Datuk Wan Suraya.

Penganjuran AIGA adalah selaras dengan pemantapan peranan IIM yang kini berdasarkan tiga fungsi teras utama merangkumi aspek Pendidikan, Advokasi dan Latihan, Penyelidikan dan Penerbitan serta Kerjasama Strategik. IIM juga diberikan peranan untuk membantu mengukuhkan kapasiti dan kompetensi integriti dan tata kelola sektor awam dan swasta melalui produk konsultasi, latihan serta penilaian integriti.

Penutupan Majlis AIGA 2022 juga menyaksikan pelancaran AIGA 2023 oleh YAB Dato’ Sri Haji Fadilah Bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri.

**Nota : Bagi senarai penuh pemenang kategori gangsa, perak dan emas, sila rujuk kepada lampiran.**

**TAMAT**

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

**Noorliza binti Abdul Latiff**  
**Pengarah Komunikasi Korporat**  
Institut Integriti Malaysia (IIM)  
Emel: [noorliza@iim.gov.my](mailto:noorliza@iim.gov.my)  
Tel: + 011 10703031

**Effa Fazira binti Azmi**  
**Pegawai Media**  
Institut Integriti Malaysia (IIM)  
Emel: [effa@iim.gov.my](mailto:effa@iim.gov.my)  
Tel: +019 2955 722

## **Mengenai Institut Integriti Malaysia (IIM)**

Institut Integriti Malaysia (IIM) ditubuhkan pada bulan April 2004 dengan objektif untuk menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (NIP). Pada Januari 2019, Pelan Integriti Nasional telah digantikan oleh Pelan Anti Rasuah Negara (NACP).

Pelaksanaan NACP telah dibangunkan oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC), untuk menetapkan objektif utama berdasarkan inisiatif yang akan diambil oleh setiap institusi kerajaan dan swasta untuk menangani masalah rasuah, integriti dan tadbir urus untuk lima tahun akan datang.

Visi NACP adalah untuk mewujudkan sebuah negara yang bebas rasuah melalui tiga matlamat khusus iaitu Kebertanggungjawaban dan Kredibiliti Kehakiman, Pendakwaan dan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang; Penyampaian Perkhidmatan Awam yang cekap dan responsif, dan Integriti dalam Perniagaan.

IIM berfungsi sebagai badan operasi GIACC dengan tujuan untuk membangunkan keupayaan dan kecekapan sektor awam dan swasta bagi membantu negara dalam merealisasikan objektif untuk menjadi sebuah negara yang dikenali kerana integriti, dan bukannya rasuah.

IIM turut menyediakan khidmat perunding, instrumen penilaian dan khidmat latihan kepada agensi-agensi kerajaan, organisasi swasta termasuk pengusaha kecil dan sederhana melalui Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS), Pelan Pembangunan Anti-Rasuah (OACP), Penilaian Profil Individu (IIP), Instrumen Penilaian Integriti (IAT), Pembangunan Integriti Komuniti (CIB) dan Program Latihan *Ethics and Integrity*.